

18/03/2005

TSH sumbang RM1 juta untuk penyelidikan

TSH Resources Berhad (TSH) menyerahkan sumbangan RM1 juta bagi Kursi Profesorial Perhutanan Kelvin Tan Aik Pen kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi menggalakkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) perhutanan.

Sumbangan itu diserahkan Ketua Eksekutifnya, Datuk Kelvin Tan Aik Pen kepada Naib Canselor UMS, Prof Tan Sri Abu Hassan Othman di Bangunan Galeri UMS, Kota Kinabalu, semalam.

Majlis penyerahan sumbangan itu turut disaksikan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Abdul Rahim Ismail.

Kursi Profesor Perhutanan Kelvin Tan Aik Pen diwujudkan bertujuan membantu Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA) UMS menjayakan projek R&D dalam pelbagai isu berkaitan perhutanan.

Tan berkata, sumbangan itu juga adalah pengiktirafan terhadap UMS sebagai antara universiti unggul negara ini.

Beliau berkata, walaupun tempoh singkat 10 tahun, UMS sudah membangunkan pelbagai kemudahan canggih bagi memberi pendidikan akademik berkualiti tinggi di negeri itu.

"Adalah menjadi harapan TSH meneruskan kerjasama dengan UMS. Penyerahan kursi profesor ini juga antara komitmen kami membantu program R&D yang dilaksanakan SPTA UMS terutama dalam menghasilkan produk dari hutan di negeri ini," katanya.

SPTA UMS ditubuhkan pada 1996 atas saranan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Empat program ditawarkan SPTA ketika ini iaitu Perhutanan Tropika Antarabangsa; Taman Alam Semula Jadi dan Rekreasi; Teknologi dan Industri Serat Kayu dan Perladangan Hutan dan Perhutanan.

Ketika ini seramai 421 pelajar yang mengikuti pelbagai program ditawarkan SPTA.

TSH ketika ini terbabit dalam pelbagai bidang perniagaan antaranya perkayuan, pembuatan produk koko dan penanaman kelapa sawit.

Tan berkata, sumbangan itu juga tanda penghargaan kepada kerajaan negeri menyediakan peluang perniagaan yang luas kepada TSH sejak memulakan perniagaan pada 1984.

Abdul Rahim berharap UMS khususnya SPTA akan memanfaatkan sumbangan TSH terutama dalam membantu program R&D berkaitan perhutanan.

"Kerjasama ini tepat pada masanya dan sektor swasta mampu menjadi panduan kepada UMS mencapai lebih banyak kecemerlangan. Saya berharap sumbangan ini dimanfaatkan bagi menjadikan UMS universiti unggul negara ini," katanya.

Kerjasama dengan TSH adalah yang kedua dengan sektor swasta, selain syarikat YTL Corporation sebelum ini.

(END) Source : Berita Harian